



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**ANALISIS TAKMILAH CERPEN PEMENANG HADIAH SASTERA
ISLAM**

SHAMSUDIN ABU BAKAR.

FBMK 2006 5



ANALISIS TAKMILAH CERPEN PEMENANG HADIAH SASTERA ISLAM



SHAMSUDIN BIN ABU BAKAR

**MASTER SASTERA
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

2006



ANALISIS TAKMILAH CERPEN PEMENANG HADIAH SASTERA ISLAM

Oleh

SHAMSUDIN BIN ABU BAKAR

**Tesis ini Dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siwazah, Universiti Putra
Malaysia, Sebagai Memenuhi Keperluan Untuk Ijazah Master Sastera**

Februari 2006



Ku abadikan tugas ini untuk isteri tercintai,

Dan anak-anak:

Hanisah

Haziqah

Muhammad Syabil

Hidanah

Hawadah

Muhammad Syazwi

Muhammad Syurahbil

Haziyah

Yang sangat memahami tugas dan pengorbanan ini

.....

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sastera.

ANALISIS TAKMILAH CERPEN PEMENANG HADIAH SASTERA ISLAM

Oleh

SHAMSUDIN BIN ABU BAKAR

Februari 2006

Pengerusi: Samsina Haji Abdul Rahman, PhD

Fakulti: Bahasa Moden dan Komunikasi

Cerpen-cerpen berunsur Islam kian meningkat perkembangannya dengan adanya peraduan-peraduan yang dianjurkan di peringkat kebangsaan oleh pelbagai pihak seperti Utusan Zaman dan Pusat Islam, Jabatan Perdana Menteri Malaysia sejak tahun 1970-an hingga kini. Fenomena ini bertanggungjawab secara langsung melahirkan ramai cerpenis berbakat, dan muncullah banyak koleksi cerpen-cerpen berunsur Islam. Perkembangan kesusasteraan dalam bidang cerpen ini melahirkan penulis-penulis cerpen yang konsisten dengan aliran kesusasteraan Islam. Cerpen-cerpen yang dihasilkan membuktikan betapa nilai-nilai Islam dapat diterap dengan baik dalam bidang kesusasteraan Islam, terutamanya dalam genre cerpen. Malahan kelahiran cerpen-cerpen seperti ini turut melahirkan beberapa teori sastera Islam, antaranya iaitu Teori Takmilah. Sebelum ini, banyak kajian-kajian kesusasteraan Islam dalam genre puisi yang mengaplikasikan teori ini. Oleh itu, tesis ini cuba memperlihatkan betapa teori yang diasaskan oleh Dr. Shafie Abu Bakar bersesuaian dengan kajian terhadap cerpen-cerpen yang berunsur Islam. Pengkaji menggunakan teori ini dalam kajian tesis kerana teori ini mampu menganalisis sama ada sesebuah karya itu benar-benar menepati kriteria-kriteria kehendak sastera Islam atau tidak. Sehubungan itu, kajian

cerpen-cerpen yang memenuhi tujuh prinsip teori ini mendukung unsur-unsur Islam yang perlu dihayati dalam kehidupan individu Islam. Tesis ini juga membuktikan berdasarkan pengaplikasian Teori Takmilah, bahawa terdapat juga cerpen-cerpen yang diiktiraf dalam Peraduan Mengarang Cerpen Berunsur Islam tetapi masih tidak boleh dianggap sebagai karya yang bertunjangan sastera Islam. Hasil analisis membuktikan bahawa cerpen-cerpen yang mengaplikasikan ketujuh-tujuh prinsip Teori Takmilah sememangnya merndukung ajaran Tauhid dan ini bersesuaian dengan konsep sastera Islam.



Abstract of thesis presented of the Senate of University Putra Malaysia in
fulfilment of the requirements for the degree of Master of Art.

TAKMILAH ANALYSIS WINNERS OF ISLAMIC SHORT STORY

By

SHAMSUDIN BIN ABU BAKAR

February 2006

Chairman: Samsina Haji Abdul Rahman, PhD

Faculty: Bahasa Moden dan Komunikasi

Islamic short stories are steadily increasing with the existance of various competitions held at national level by many organisations such as Utusan Zaman, Pusat Islam and the Ministry of Prime Minister since the 1970's till now. This phenomena is directly responsible in producing many talented writers thus emerging many Islamic short stories collection. The expanding of literature in writing short stories has developed many writers who were consistent with the flow of Islamic literature. The short stories produced have proven that (principles) the features of Islam can be applied well in the Islamic literature especially in the short story genre. Moreover these short stories also has brought out many theories of Islamic literature such as Takmilah Theory. Earlier many Islamic literature researches in the poem genre has applied this theory. Therefore, this tesis is to show as to how the theory founded by Dr. Shafie Abu Bakar is applicable to the research towards Islamic elemented short stories. Researchers use this theory in their tesis research as it could acknowledged in the Islamic based Short Stories Competition may no be acceptable as writing with holding the Islamic

literature. Therefore research proves that the short stories which has the seven principles of the theory is actually withholding the Islamic features which has to be taken into the life of an Islamic individual. This thesis also proves that based on the application of Takmilah Theory there are also short stories which has been acknowledged as Islamic based Short Story Competition may not be true. Findings of the analysis proves the short stories which applies the seven principles of Takmilah Theory truly carries the teaching of Tauhid and this is very much applicable with the Islamic literature concept.



PENGHARGAAN

Alhamdulillah segala puji bagi Allah dan selawat serta salam untuk Rasul-Nya. Bersyukur saya ke hadrat Allah S.W.T. yang telah memberikan taufik, hidayah dan kekuatan untuk menyelesaikan tesis ini walaupun dalam kekangan masa yang begitu menghambat sekali.

Justeru, izinkan saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan, khas untuk Dr. Samsina Hj. Abd. Rahman yang telah membimbing saya dan memberi pedoman berharga dari awal hinggalah sempurna penulisan tesis ini. Selaku penyelia, kesabaran dan kesungguhan dalam membimbing saya telah benar-benar membakar semangat saya untuk meneruskan sehingga selesai tesis ini.

Selain itu, tidak lupa kepada Encik Mohd Kasim bin Hj. Ismail, Puan Hajjah Halimah binti Hassan dan Tuan Haji Mohamad bin Kassim yang turut membantu sebagai penyeliaan bersama. Ucapan terima kasih yang dapat dilebarkan atas segala sokongan dan tunjuk ajar yang diberikan tanpa rasa sekelumit jemu.

Kesempatan ini saya juga ingin merakamkan terima kasih kepada pihak sekolah terutama pengurusan Sekolah Menengah Sains Tuanku Jaafar, yang memahami dan banyak memberi ruang dan kesempatan untuk saya meneruskan penyiapan tesis ini. Seterusnya kepada semua kaki tangan Perpustakaan Tun Sri Lanang, UKM, pegawai-

pegawai perpustakaan Universi Putra Malaysia, dan pegawai-pegawai Pusat Dokumentasi Dewan Bahasa dan Pustaka yang banyak membantu saya mendapatkan bahan-bahan berkaitan dengan kajian tesis saya.

Tidak lupa kepada isteri dan anak-anak yang sentiasa memberi sokongan moral yang berterusan sehingga tesis ini dapat disempurnakan. Bantuan yang dihulurkan oleh semua pihak dalam usaha saya menyempurnakan tesis ini, pasti kekal abadi dalam ingatan. Semoga ilmu yang saya peroleh akan dapat dimanfaatkan kepada generasi baru. Di samping itu saya menyusun sepuluh jari menandakan terhutang budi saya kepada semua pihak sama ada secara langsung atau tidak langsung yang telah membantu saya sehingga saya dapat menyelesaikan kajian tesis ini.

Sekian, terima kasih.

Wassalam.

SHAMSUDIN BIN ABU BAKAR
NO.105 Jalan TTJS 3/6.
TAMAN TUANKU JAAFAR,
71450 SUNGAI GADUT,
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS.

Februari 2006.

JADUAL KANDUNGAN

Muka Surat

DEDIKASI		ii
ABSTRAK		iii
ABSTRACT		v
PENGHARGAAN		vii
PENGESAHAN		ix
PERAKUAN		xi
SENARAI RAJAH		xiv
SENARAI JADUAL		xv
BAB		
I	PENDAHULUAN	
	Pengenalan	1
	Pernyataan Masalah	11
	Kepentingan Kajian	16
	Objektif Kajian	19
	Batasan Kajian	20
	Kaedah Kajian	22
	Definisi Konsep dan Definisi Operasional	24
	Definisi Konsep	24
	Takrifan Cerpen Islam	24
	Sastera Islam	26
	Definisi Operasional	30
II	SOROTAN LITERATUR	31
III	METODOLOGI KAJIAN	
	Pengenalan	40
	Teori Takmilah : Satu Kerangka Analisis	41
	Prinsip KeTuhanan yang bersifat Kamal	51
	Prinsip Rasul sebagai Al-Insan Al-Kamil	54
	Prinsip keIslaman yang bersifat Akmal	55
	Prinsip Ilmu dengan sastera yang bersifat Takamul	57
	Prinsip Takmilah pada Karya	59
	Prinsip pada Karya yang Mengistimalkan Diri	60
	Prinsip Khalayak bertujuan Memupuk ke arah Al-Insan Al- Kamil	63
IV	ANALISIS KAJIAN	
	Pengenalan	67
	Prinsip KeTuhan yang bersifat Kamal	69
	Prinsip Rasul sebagai Al-Insan Al-Kamil	112
	Prinsip keIslaman yang bersifat Akmal	134
	Prinsip Ilmu dengan sastera yang bersifat Takamul	157

	Prinsip Takmilah pada Karya	174
	Prinsip pada Karya yang Mengistimalkan Diri	188
	Prinsip Khalayak bertujuan Memupuk ke aran Al-Insan Al-Kamil	194
V	KESIMPULAN	200
	BIBLIOGRAFI	212
	LAMPIRAN	217
	BIODATA PENULIS	248



SENARAI RAJAH

Rajah		Muka Surat
1	Sifat-sifat Sempurna Allah	45
2	Pandangan Alam Bersifat Jamal Ke Arah Takmilah	47
3	Sastera Di Dalam Rangka Tauhid	49
4	Sifat Kamal Allah	52
5	Ideal Keinsanan Kamil	55
6	Kesyumulan Islam	56
7	Sastera dan Ilmu	58
8	Takmilah Karya	59
9	Takmilah Pengkarya	61
10	Sastera dan Khalayak	64
11	Kerangka Tujuh Prinsip Teori Takmilah	66

SENARAI JADUAL

Jadual	Muka Surat
1 Senarai Antologi Cerpen Kajian	20
2 Cerpen-cerpen Berdasarkan Prinsip KeTuhanan yang Bersifat Akmal	71
3 Cerpen-cerpen Berdasarkan Prinsip Rasul Sebagai Al-Insan Al-Kamil	114
4 Cerpen-cerpen Berdasarkan Prinsip Kelslaman yang Bersifat Akmal	135
5 Cerpen-cerpen Berdasarkan Prinsip Ilmu dengan Sastera yang Bersifat Takamul	158
6 Cerpen-cerpen Berdasarkan Prinsip Takmilah pada Karya	175
7 Tema dan Persoalan Cerpen-cerpen Pemenang Hadiah Sastera Islam	177
8 Cerpen-cerpen Berdasarkan Prinsip pada Pengkarya yang Mengistimalkan Diri	189
9 Cerpen-cerpen Berdasarkan Prinsip Khalayak Bertujuan Memupuk Ke arah al-Insan al-Kamil	196
10 Cerpen-cerpen Mengaplikasikan Tujuh Prinsip Takmilah	201
11 Cerpen-cerpen Yang Mengaplikasikan Ketujuh-tujuh Prinsip Teori Takmilah	208

BAB I

PENDAHULUAN

Pengenalan

Persoalan sastera Islam merupakan isu yang terus hangat dibincangkan hingga kini. Sejak persoalan ini dicetuskan pada awal dekad 1970 –an, polemik mengenainya masih belum reda-reda, dan makin memuncak dengan penglibatan golongan cendekiawan, dan sasterawan. Apa yang diharapkan polemik ini akan berjalan dengan sihat, bersifat ilmiah dengan penerokaan yang berterusan, matang dan melahirkan sesuatu hasil yang boleh memberikan manfaat kepada sastera dan pertumbuhannya.

Suhubungan itu, dapat dikatakan bahawa dalam menangani persoalan tersebut, soal konsep dan definisinya masih menjadi perbincangan. Selain itu, dua tahap pembicaraan kesusasteraan mutakhir ini adalah berunsurkan Islam dan bernilai Islam. Tahap ini berjalan sekali gus, baik dari segi perbincangan, mencari tapak, mencari konsep, pengertian dan pengkayaan. Perubahan ke arah aliran kesusasteraan Islam ini berjalan secara beransur-ansur, melalui penerapan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran, ekonomi, undang-undang, dan pendidikan. Hal ini, merupakan suatu perubahan yang dapat dianggap menarik kerana perubahan ini juga berlaku kepada dunia kesusasteraan, terutamanya apabila kesusasteraan Islam mula mendapat perhatian dalam kalangan sasterawan.

Dalam hal ini, Shafie Abu Bakar dalam majalah *Dewan Sastera* dengan artikel bertajuk “*Sastera Islam : Perkembangannya di Malaysia*” menegaskan bahawa dalam menilai

sastera Islam, tidaklah dapat dilihat kepada karya semata-mata, tetapi perlu dilihat juga kepada penulisnya. Walaupun dikatakan sesebuah karya itu dapat berdiri dengan sendiri, tetapi untuk ‘Sastera Islam’ antara keduanya iaitu antara karya dan penulis mempunyai pertalian yang erat. Betapa besar dan sesuai pun sesebuah karya Islam, tetapi jika dihasilkan oleh orang yang tidak Islam tidaklah boleh digolongkan sebagai ‘Sastera Islam’. (*Dewan Sastera*, Jun, 1983 : 11)

Dalam konteks ini, proses kreatif dapat dikatakan bahawa dalam kesusasteraan bertunggakkan Islam yang syumul, kerana bersastera itu sendiri dianggap sebagai ibadat kerana Allah. Justeru, keperihalannya hidup manusia dan makhluk Allah lainnya berlandaskan Tauhid dan hakikat kejadian manusia itu sebagai ‘abdillah’ (hamba Allah) dan ‘khalifatullah’ (khalifah Allah). Dan, bersastera itu sendiri untuk Allah, maka hasil-hasil karya disisi Islam dituntut supaya jelas sebagaimana ingatan Allah di dalam al-Quran dalam surah Asy-Syura ayat 221 hingga 227 yang bermaksud:

“Apakah akan aku beritakan kepadamu, kepada siapa syaitan-syaitan itu turun? Mereka turun kepada tiap-tiap pendusta lagi yang banyak dosa. Mereka menghadapkan pendengaran (kepada syaitan) itu, dan kebanyakan mereka adalah orang-orang pendusta. Dan penyair-penyair itu diikuti oleh orang-orang sesat. Tidakkah kamu melihat bahawasanya, mereka suka mengatakan apa yang mereka sendiri tidak mengerjakan? Kecuali orang – orang (penyair-penyair) yang beriman dan beramal salih dan banyak menyebut Allah dan mendapat kemenangan sesudah menderita kezaliman. Dan orang-orang zalim itu kekal akan mengetahui ke tempat mana mereka akan kembali.” (A. Hassan, 1982 : 734-735)

A.Hasjmy (1984:101), dalam buku *Apa Tugas Sasterawan Sebagai Khalifah Allah* ketika mentafsirkan ayat yang tersebut di atas telah menetapkan ciri dan batas kesusasteraan

Islam, dan bukan Islam. Ciri sasterawan bukan Islam ialah yang tidak mempunyai pendirian, mengembara daripada lembah ke lembah, pengikutnya pula terdiri daripada orang jahat dan menggalakkan orang lain melakukan kebaikan tetapi dia melakukan perkara sebaliknya. Sasterawan Muslim pula ialah mereka yang hati dan jiwanya dipenuhi dengan keimanan, sentiasa beramal salih dan berbuat bakti. Pancaran iman menjelma dalam amal perbuatan dan mereka selalu mengingati Allah S.W.T., dan dijelmakan dalam karya kesusasteraannya.

Selain itu, Yusuf Zaki Yaakub dalam buku *Kesusasteraan Melayu dan Islam: Suatu Pertembungan Pemikiran* yang diselenggara oleh Shafie Abu Bakar (1980:44), mendefinisikan kesusasteraan Islam sebagai karya kreatif yang mempunyai unsur dakwah. Maksudnya ialah karya kesusasteraan yang sentiasa menyeru manusia melakukan perkara makruf dan mencegah mereka daripada melakukan perkara mungkar. Ismail Ibrahim (Shafie Abu Bakar, 1980:44) dalam buku yang sama telah mendefinisikan kesusasteraan Islam sebagai tulisan yang berasaskan Tauhid.

Seterusnya, Mana Sikana (1982:4) dalam buku *Sastera Islam Dalam Pembinaan* mendefinisikan kesusasteraan Islam sebagai karya yang berusaha untuk merealisasikan kalimah Allah S.W.T. atau melaksanakan syariah Islamiah. Bahasa, karya kesusasteraan dan alam semesta semuanya merupakan tanda-tanda keagungan, kebesaran dan jalan untuk *makrifatullah*. Justeru, disisi Islam kesusasteraan dituntut untuk dapat meningkatkan *makrifatullah* dan beribadat kepada-Nya.

Manakala Shahnnon Ahmad (1981:1-3) pula dalam buku *Kesusasteraan dan Etika Islam* pula mendefinisikan kesusasteraan Islam sebagai karya kesusasteraan umat Islam yang diniatkan untuk mendapatkan keredhaan Allah S.W.T., dan berhikmah untuk manusia sejagat. Hal ini disebabkan karya kesusasteraan merupakan ciptaan manusia, dan Islam merupakan ciptaan Allah S.W.T. Maksudnya, berkarya untuk mendapat keredhaan Allah S.W.T. ialah karya yang mengandungi sebuah ajaran aqidah, syarak dan akhlak yang bersumberkan al-Quran dan as-Sunnah yang dapat membimbing manusia menuju ke arah keimanan, ketakwaan dan amal salih. Berhikmah untuk manusia pula bermaksud karya kesusasteraan itu dapat memberi manfaat kepada manusia sejagat. Ia bukan sahaja dapat menghibur dan menyenangkan hati manusia, tetapi dan yang lebih utama lagi menyelamatkan daripada kesesatan, dan membimbing mereka mencapai kejayaan dan kebahagiaan hidup sama ada di dunia atau di akhirat.

Oleh itu, bagi umat Islam dalam bersastera tentulah menjadikan al-Quran sebagai pegangan utama. Sekiranya diteliti al-Quran, maka jelaslah bahawa firman Allah yang diturunkan kepada manusia terungkap dalam kata-kata yang amat indah dengan pertembungan bunyi yang merdu, dan lukisan-lukisan bahasa yang tidak dapat ditandingi oleh sebarang penyair di mana juga.

Bahasa dan kesusasteraan merupakan asas yang mutlak dalam penurunan al-Quran. Al-Quran sendiri menjelaskan ia adalah mukjizat, dan demikian jugalah penerimaan orang Islam terhadapnya. Al-Quran adalah suatu yang luhur dengan kandungan yang luhur dan menghasilkan kesan yang luhur juga. Menurut Ismail al-Faruqi dalam artikelnya "*Tauhid*

dan Seni Persuratan” dalam buku *Kesenian Islam* selenggaraan Ahmad Kamal Abdullah (1990:2), unsur keindahannya, atau kemukjizatannya dari segi kesusasteraan, telah diakui oleh semua orang Islam sebagai bukti bahawa al-Quran adalah wahyu Tuhan. Tetapi untuk menentukan al-Quran dapat diakui dan dinilai sebagai mesej atau perutusan daripada Tuhan, penerimanya dan sekurang-kurangnya generasi pertama yang bukan Islam pada masa Rasulullah S.A.W. mula-mula menyampaikan dakwahnya, dianggap harus mempunyai tahap kesusasteraan yang tinggi untuk membolehkan mereka menilai bahawa al-Quran itu bukan karangan manusia.

Sehubungan itu, dapat dikatakan bahawa perkembangan sastera Islam dalam genre cereka kurang ditekankan dalam sejarah perkembangan sastera Islam. Dalam hal ini, genre cereka tidak kurang penting fungsinya dalam pembinaan kesusasteraan dan peradaban Islam, kerana cereka juga telah memainkan peranan untuk membawa amanat pengabdian kepada Allah, dan menanam nilai-nilai murni yang dianjurkan oleh agama Islam. Melalui al-Quran, Allah menjelaskan fungsi cerita dalam surah Yusuf ayat tiga yang bermaksud:

“Sesungguhnya dalam cerita-cerita mereka itu mengandungi pengajaran yang memberi panduan kepada mereka yang memahaminya.” (A.Hassan, 1982 : 439)

Sebagaimana menurut Ismail Hamid dalam *Dewan Sastera* dengan artikelnya yang bertajuk “*Ciri-ciri Sastera Islam*”, bahawa tradisi cereka yang berkembang dalam

peradaban Islam menggunakan al-Quran sebagai sumbernya; kebanyakannya mengisahkan tentang nabi-nabi Allah (*Dewan Sastera*, Jun, 1994 : 66).

Penjelasan yang agak terang dinyatakan oleh Muhammad Uthman El-Muhammady dalam *Dewan Sastera* dengan artikelnya “*Sastera Dalam Sejarah Pembangunan Ummah*”. Menurutnya, kesusasteraan dalam bahasa Arab ialah *al-adab*. Kata ini adalah daripada kata perbuatan *adaba, ya'dibu, adban*, yang memberi maksud: menjemput seseorang menghadiri majlis jamuan makan yang disediakan. Terkandung juga dalam kalimat ini maksud mengajarkan adab dalam akal fikiran dan jiwa seseorang supaya hidupnya berdasarkan kepada tata tertib yang baik. Ertinya, terdapat konsep memperhiaskan seseorang dengan sifat-sifat yang terpuji dan mulia lahir serta batinnya supaya seseorang itu terdidik dengan baik dan menjadi lemah-lembut gerak-geri, serta baik budi dan bersih jiwa dan hatinya. Demikian juga kata *t'dib* dari *addaba* memberikan maksud pendidikan adab yang baik, mencanangkan akal fikiran dan budi serta jiwa. Terkandung dalam kata ini juga maksud mengajak orang lain kepada kehidupan yang penuh dengan nilai-nilai adab yang sempurna. (*Dewan Sastera*, Jun, 1983 : 32).

Menurut Muhammad Uthman El-Muhammady lagi, apabila dipasangkan nizam makna yang terkandung di dalam *al-adab* dan hubungannya dengan sastera Islam, maka bolehlah membuat beberapa kenyataan yang menunjukkan ciri-ciri sastera Islam, dan juga fungsinya dalam pembangunan umat. Antaranya jelas bahawa hasil sastera Islam adalah sebagai jemputan kepada manusia yang hendak mendapat manfaat daripadanya supaya datang menerima peluang menikmatinya sebagai hidangan untuk hati dan jiwa mereka. (*Dewan Sastera*, Jun, 1983 : 32)

Baik dari segi hakikat dan sejarahnya jelas bahawa sastera Islam adalah sastera yang mendidik manusia memperadabkan hati, jiwa dan akal serta perasaannya. Inilah yang dimaksudkan dengan adab atau disiplin mengikut pengertiannya yang sebenarnya. Justeru itu, sastera Islam adalah sastera yang memberikan pendidikan yang dikehendaki, yang mencanai dan memperhalus jiwa, budi dan sifat-sifat manusia zahir dan batin. Sastera yang seperti ini, apabila ia berjaya mendidik manusia, jiwa dan akal mereka, maka kesan kebaikan akan melimpahi kehidupan kemasyarakatan dan kenegaraan.

Lanjutan itu, adalah jelas bahawa sastera Islam adalah sastera yang apabila dilaksanakan akan melahirkan manusia yang beradab dalam fikiran dan perbuatan serta dalam melaksanakan fungsinya dalam masyarakat. Justeru itu, penelitian terhadap perkembangan cerpen Melayu dalam konteks sastera Islam wajar menyorot perkembangan sejak awalnya lagi. Sebilangan penulis ketika itu dilihat mempunyai kecenderungan ke arah Islam dalam penghasilan karya mereka.

Contohnya cerpenis seperti Rahim Kajai dan Shamsuddin Salleh dalam karya mereka menulis tentang menggalakkan umat Islam agar meningkatkan pencapaian ilmu pengetahuan sama ada untuk dunia ataupun akhirat dalam aspek mengejar kemajuan. Sebelum perang dunia ke-2, tema cerpen tentang sikap masyarakat yang menyerah kepada takdir tanpa usaha, pandangan yang negatif, dan konservatif terhadap Islam yang menyebabkan mereka malas dan berpeluk tubuh, kahwin paksa, dan cerai sering

dibincangkan yang dianggap sebagai gejala yang membawa keruntuhan akhlak masyarakat yang dilihat daripada perspektif Islam.

Hal ini membuktikan unsur-unsur Islam telah digarap dalam penulisan cerpen pada peringkat awal perkembangannya lagi. Kesenambungan penulisan cerpen yang berorientasikan unsur-unsur Islam diteruskan oleh penuls-penulis yang prolific seperti Shahnon Ahmad, Azizi Haji Abdullah, Norhisham Mustaffa, dan penulis-penulis muda seperti Nawi Hamat, Abdul Ghani Awang Hamat, A.Norry Ahmy dan Nahmar Jamil. Selain itu, mereka berpeluang menyampaikan wadah penulisan mereka apabila majalah seperti *Qiblat*, *al-Islam*, *Dian*, *Warta Jabatan Agama Islam Johor* dan akhbar-akhbar harian menyiarkan cerpen-cerpen dalam konteks sastera Islam tadi. *Al-Islam* adalah majalah bulanan yang paling banyak menyiarkan cerpen Islam. Boleh dikatakan semua cerpen yang diterbitkan berunsur Islam. Semua cerpenisnya berkemampuan menggarap persoalan keislaman sama ada mereka yang baru menulis atau yang telah terkenal dan mahir dengan ajaran Islam serta aplikasinya.

Cerpen berunsur Islam kian meningkat perkembangannya dengan adanya pertandingan-pertandingan yang dianjurkan di peringkat kebangsaan oleh pelbagai pihak seperti Utusan Zaman dan Pusat Islam, Jabatan Perdana Menteri Malaysia sejak tahun 1970-an lagi hingga kini. Fenomena inilah yang bertanggungjawab secara langsung melahirkan ramai cerpenis berbakat dan muncullah banyak koleksi cerpen Islam. Sebagaimana menurut Laporan Jemaah Hakim dalam buku *Tantangan* , mengenai 'Peraduan Cerpen Agama , Jabatan Perdana Menteri 1975', bahawa peraduan ini merupakan peraduan yang pertama umpamanya di dalam sejarah peraduan-peraduan sastera di negeri ini. Kerana itu